

# Tun M, Siti Hasmah terima vaksin

**LANGKAWI:** Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali menerima suntikan vaksin Covid-19, Pfizer-BioNTech di Pusat Pemberian Vaksin Covid-19 Daerah Langkawi di Kompleks Sukan Langkawi di sini semalam.

Mahathir, 95, yang juga Ahli Parlimen Langkawi disuntik oleh Penyelia Jururawat Klinik Kesihatan Kuah Rosmini Che Lah manakala Siti Hasmah, 94, oleh Ketua Jururawat Klinik Kesihatan Kuah, Siti Hamizah Masdar.

Menurut Dr. Mahathir, beliau tidak mengalami kesan sampingan selepas suntikan vaksin tersebut.

"Suntik vaksin ini tak rasa apa pun, sekejap saja cucuk (suntik) tak sampai satu minit. Tak rasa pening apa pun.

"Saya percaya telah terlindung daripada Covid-19 selepas disuntik dengan vaksin ini, saya berasa lega boleh pergi ke mana-mana dengan selamat," katanya.

Selain itu, Mahathir berkata, seramai kira-kira 33 juta rakyat

Malaysia perlu menerima suntikan vaksin bagi mengelakkan mereka dijangkiti wabak.

"Kita perlu melawan wabak Covid-19 dengan cara menggunakan vaksin. Vaksin ini dapat memberi perlindungan kepada kita.

"Harap semua kita terutama golongan tua macam saya yang ada masalah (kesihatan) perlu disuntik secepat mungkin," katanya.

Selain itu, Mahathir berkata, rakyat negara ini tidak perlu meragui keberkesanan dan keselamatan mereka terhadap pengambilan vaksin kerana ia sudah disahkan selamat dan berkesan.

"Saya dengar ada orang yang kurang yakin dan percaya suntikan ini mengakibatkan penyakit lain.

"Ini tidak benar sama sekali, kalau benar ada kesan buruk daripada suntikan, di Amerika Syarikat sahaja sudah 20 juta orang telah disuntik dan kita tidak dengar cerita ada orang yang menghadapi masalah," ujarnya.